

ANAK MUDA MANGSA KEADAAN

PERUBAHAN dekat telah menyaksikan perubahan pada peringkat anak muda yang menjadi semakin panjang. Peringkat remaja atau anak merupakan cabaran yang paling besar dan kompleks yang perlu dilalui dalam menuju ke alam dewasa. Di Malaysia, golongan anak muda merupakan kumpulan demografi terbesar berbanding dengan kumpulan umur yang lain. Namun begitu, golongan ini jugalah yang banyak terlibat dalam kegiatan negatif dan tidak bermoral yang menyumbang kepada masalah sosial negara.


Sebenarnya, tidak adil untuk kita menghukum anak muda sebagai punca masalah sosial di negara ini. Adakah kita sedar akan sebab tingkah laku negatif ini hadir dalam kehidupan mereka? Sudah tentu kita tertanyanya, mengapakah mereka bertindak sedemikian rupa? Melakukannya tindakan yang menyimpang daripada nilai dan norma hidup bermasyarakat sedangkan

nilai ketimuran yang dijunjung oleh rakyat Malaysia mementingkan kehidupan yang saling bergantung dengan anggota masyarakatnya. Secara realitinya, anak muda dan masalah dalam masyarakat seakan-akan tidak dapat dipisahkan, tidak dapat dielakkan. Perkara ini saling berkaitan. Sekiranya masalah yang hadir dalam kehidupan anak muda ini tidak dapat diatasi, hal ini bukan sahaja memberikan kesan negatif terhadap diri mereka, malah kepada keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya.

Faktor besar ingin dikupas ialah faktor kemiskinan keluarga yang berterusan sehingga menyebabkan anak muda terlibat dengan pelbagai masalah sosial. Aspek penting yang telah menjadi fokus baru-baru ini ialah potensi anak muda bertingkah laku negatif dikaitkan dengan kehidupan yang serba kekurangan. Kekurangan sumber kewangan keluarga menyebabkan mereka tidak berpeluang

memperoleh keperluan dan memenuhi kehendak. Walaupun kemiskinan tidak dapat dipindahkan kepada anak, kemiskinan membuka ruang kepada anak untuk mengalami kemiskinan dan hidup mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana "miskin" itu sendiri ialah proses yang berterusan dan anak yang dilahirkan dalam keluarga miskin, akan terdedah kepada kemiskinan yang berterusan sehingga dapat memberikan implikasi terhadap kehidupan mereka.

Kemiskinan yang dilalui sejak zaman kanak-kanak dikatakan dapat mempengaruhi keseluruhan kehidupan individu apabila mereka memasuki peringkat remaja, belia dan dewasa. Faktor dikaitkan dengan kemiskinan anak muda menjadi lebih kompleks. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak mempunyai pendidikan, tidak ada pekerjaan tetap, dan bekerja dengan upah yang rendah. Mereka turut terdedah kepada risiko sejak zaman persekolahan, seperti masalah



Penglibatan remaja dalam masalah sosial semakin membimbangkan.

disiplin, tidak hadir di sekolah, dan risiko kesihatan yang serius, termasuk masalah pertumbuhan fizikal, mental, sosial dan kerohanian. Hal ini menunjukkan bahawa anak muda pada hari ini berkembang dalam masyarakat yang penuh dengan cabaran dalam tempoh pembentukan diri mereka.

Peralihan dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa menyebabkan mereka menghadapi pelbagai masalah. Mereka juga berpotensi menghadapi perubahan sekali gus menambahkan kesukaran yang dihadapi. Kemungkinan tekanan daripada kemiskinan yang dihadapi oleh mereka sejak kecil lagi menyebabkan mereka terlibat dalam tingkah laku negatif sehingga memberikan kesan negatif kepada masyarakat dan negara.

Kehidupan segelintir anak muda yang terlalu miskin menjejaskan perkembangan mental, fizikal, emosi, serta tingkah laku mereka. Dalam konteks ini, kemiskinan menyebabkan mereka tertekan dan menghasilkan

tingkah laku yang negatif. Dalam tempoh antara umur 15 tahun sehingga awal 20-an, golongan muda akan beransur-ansur berpisah daripada keluarga dari segala sosial, emosi, mental dan juga ekonomi. Mereka akan mula membangunkan sikap dan mula mencari identiti diri sendiri. Kebanyakan daripada mereka terlibat dengan risiko tingkah laku tidak sihat, seperti penyalahgunaan dadah, gangguan pemakanan, keganasan, gengsterisme dan buli, mencuri, keluar malam dan penggunaan senjata. Hal ini membawa peningkatan tahap tekanan, kemurungan, resah, anoreksia, serta pergantungan kepada pil dan dadah yang hanya dapat menyambung kepada kepuasan jangka pendek.

Selain itu, kemiskinan hidup atau tekanan ekonomi yang tinggi juga akan menjejaskan anak kerana hal ini jelas dikaitkan dengan penurunan kesejahteraan hidup mereka. Kesejahteraan hidup golongan ini

ditakrifkan sebagai keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri, bertindak balas kepada cabaran hidup, dan peluang mendapatkan kemahiran dan pendidikan. Kesejahteraan mereka akan mencerminkan rasa percaya bahawa diri mereka sihat dan merangkumi kesihatan fizikal, mental, emosi dan rohani. Apatah lagi ada definisi kesejahteraan hidup anak muda yang mengakui bahawa sihat secara keseluruhan bergantung pada sumber yang diperolehi. Tanggapan yang lebih luas kesejahteraan mereka adalah merangkumi faktor sosial, ekonomi, fizikal dan persekitaran menyumbang kepada kesejahteraan hidup.

Kemiskinan juga berkaitan dengan pembangunan sosial dan emosi golongan muda. Mereka mempunyai risiko yang lebih besar terhadap tingkah laku dan masalah emosi, seperti melakukan maksiat, impulsif, dan sukar berkawan kerana kekurangan yang dialami. Kemiskinan turut dikaitkan

dengan perasaan bimbang, sedih, tingkah laku negatif dan agresif. Dalam beberapa dekad yang lalu, kajian tingkah laku anak muda dijalankan untuk menjelaskan sebab sesetengah daripada mereka berjaya mengatasi tingkah laku negatif manakala ada sesetengah lagi berisiko tinggi dengan tingkah laku negatif. Sebagai contoh, kadar pembunuhan yang tinggi di kawasan kemiskinan mendedahkan golongan ini kepada keganasan dan risiko terlibat dengan masalah psikologi, seperti tingkah laku kemurungan. Hal ini semakin membimbangkan kerana anak muda cenderung bertindak mengikut emosi dan tanpa kawalan daripada orang dewasa, kemungkinan besar mereka akan terlibat dengan tingkah laku yang menyimpang.

Anak muda yang hidup dalam kemiskinan cenderung terlibat dengan gejala negatif disebabkan oleh keadaan serba kekurangan yang menghalang kemampuan mereka untuk mencapai kawalan sosial. Kemiskinan yang dihadapi sering dikaitkan dengan risiko yang memberikan tekanan hebat dalam kehidupan, termasuklah perkembangan fizikal, mental, emosi dan tingkah laku. Oleh itu, ibu bapa dan persekitaran yang sihat, terutamanya sokongan daripada anggota masyarakat, diperlukan untuk menggalakkan pembangunan diri positif dan membantu membangunkan potensi diri yang dimiliki. Pada peringkat ini, anak muda perlu membangunkan nilai, kecekapan, dan kemahiran sosial untuk memberi mereka peluang menuju peringkat dewasa.

Persekitaran hidup anak muda dibentuk oleh pelbagai faktor, seperti keluarga pendidikan dan ekonomi. Secara umumnya, ibu bapa merupakan sumber utama sosialisasi anak dan sumber norma pro-sosial yang dapat memberikan sekatan terhadap tingkah laku anak. Namun begitu, ibu bapa juga menjadi faktor utama yang memungkinkan pelibatan anak dalam tingkah laku yang menyimpang. Anak muda yang serba kekurangan lebih berkemungkinan membesar dalam isi rumah yang kurang merangsang

perkembangan kognitif semasa zaman kanak-kanak. Mereka tinggal di kawasan yang serba kekurangan dan membesar di rumah yang kecil dan tidak selesa sehingga menyebabkan mereka menjadi mangsa keadaan. Oleh itu, ibu bapa haruslah memainkan peranan dengan bijak dalam memastikan anak membesar dalam persekitaran yang sihat dan tidak menggunakan alasan kemiskinan semata-mata.

Keciciran dalam pendidikan yang berlaku pada usia yang muda akan menyekat perkembangan individu dari segi sahsiah dan perkembangan mental. Penerapan nilai moral akan terbantut kerana tersisihnya mereka daripada pendidikan formal yang akan membawa kerutuhan akhlak. Kematangan merifal yang tidak sempurna dan penguasaan ilmu yang tidak mencukupi akibat daripada keciciran pendidikan awal menyebabkan golongan muda mudah terpengaruh dengan budaya yang tidak sihat dan kurang kesediaan untuk menghadapi tekanan. Inilah antara faktor yang menyumbang ke arah peningkatan gejala sosial dalam kalangan anak muda di negara ini. Kes bersekedudukan dan pembuangan bayi yang dihebahkan dalam media massa merupakan beberapa contoh kesan daripada keciciran pendidikan.

Oleh itu, tumpuan harus diberikan dalam hal yang berkaitan dengan sistem pendidikan untuk meningkatkan pembelajaran akademik dan sosioemosi bagi menangani faktor risiko seperti ini. Pendidikan juga perlu memberikan

tumpuan kemahiran, seperti kawalan diri, kesedaran emosi, masalah komunikasi masalah sosial, sokongan akademik hubungan rakan sebaya, dan kemahiran dalam menghadapi cabaran.

Beralih ke sudut ekonomi, negara memerlukan banyak tenaga mahir yang bertaraf profesional untuk menajayakan wawasan negara. Lantaran itu, keciciran yang berpunca daripada kelemahan pencapaian akademik harus diatasi bagi mengelakkan kerugian dari segi pembaziran sumber tenaga mahir.

Negara tidak seharusnya bergantung pada perkhidmatan pekerja asing untuk membangunkan ekonomi kerana penggantungan yang berterusan akan merugikan negara. Seharusnya golongan muda diberi peluang dan ruang untuk mencapai potensi yang ada dalam diri mereka agar dapat membentuk komuniti orang muda yang lebih holistik. Mereka perlu dipesongkan daripada terus terjerumus ke dalam kegiatan yang membawa kemusnahan diri dan negara.

Banyak langkah yang telah diambil oleh pelbagai pihak dalam membendung masalah sosial, namun gejala sosial tetap berlaku dan sukar diatasi. Marilah kita bersama-sama mencari langkah yang terbaik untuk memperbaiki keadaan ini. Sungguhpun kita menyedari bahawa anak muda dan masalah sosial tidak dapat dipisahkan, usaha yang bersungguh-sungguh daripada masyarakat mampu mengurangkan risiko mereka untuk terlibat dengan tingkah laku yang bermasalah. @s

